

## 4.1 Etiket di Rumah

S.P: 4.1.2 Memaparkan kepentingan etiket di rumah.

Isi tempat kosong berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan tentang kepentingan mengamalkan etiket di rumah. **IP 2**

- |                   |              |                    |               |
|-------------------|--------------|--------------------|---------------|
| hubungan          | menaikkan    | keharmonian        | berkecil hati |
| teladan           | mencukupi    | menghormati        |               |
| mementingkan diri | keperibadian | perselisihan faham |               |

- Memberikan layanan yang baik kepada anggota keluarga yang lebih tua bermakna kita  mereka.
- Bercakap dengan nada suara yang lembut dan sopan dapat mengelakkan anggota keluarga daripada .
- Membantu ibu bapa membuat kerja rumah bukan sahaja dapat meringankan beban ibu bapa, malah dapat menunjukkan  yang baik kepada adik-adik.
- Memberikan layanan mesra kepada tetamu yang datang ke rumah menunjukkan ketinggian  kita.
- Makan bersama-sama di meja makan dapat mengekalkan  erat antara anggota keluarga.
- Mengambil makanan secara sederhana memastikan semua anggota keluarga mendapat makanan yang .
- Amalan berterus terang dalam semua perkara dapat mengelakkan  antara anggota keluarga.
- Berkongsi alatan di rumah menunjukkan sikap toleransi dan tidak  dalam kalangan anggota keluarga.
- Amalan mematuhi etiket di rumah menjamin kebahagiaan dan  dalam keluarga.
- Amalan mematuhi etiket di rumah juga dapat  imej diri dan keluarga.